



POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT ANGKASA (*whistleblowing*)

1. Tujuan

Polisi ini diwujudkan bagi memudahkan pendedahan salah laku dibuat seawal mungkin untuk melindungi pemberi maklumat daripada tindak balas pesalah akibat daripada pendedahan yang di buat oleh pemberi maklumat. Ia juga bertujuan untuk berlaku adil kepada pemberi maklumat dan orang yang didakwa melakukan kesalahan salah laku dan rasuah. Identiti pemberi maklumat akan dilindungi dan disimpan secara rahsia melainkan dikehendaki oleh undang-undang atau bagi maksud apa-apa prosiding.

2. Latar Belakang

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ini diasaskan menurut Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711). Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ini adalah suatu polisi untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan kelakaun tidak wajar dalam Organisasi ANGKASA. Ini bertujuan untuk melindungi orang yang membuat pendedahan itu daripada tindakan yang memudaratkan, supaya perkara yang didedahkan disiasat dan diuruskan.

3. Kenyataan Polisi

Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (ANGKASA) komited kepada nilai - nilai ketelusan, integriti, kesaksamaan dan akauntabiliti dalam menjalankan perniagaan dan hal ehwalnya. ANGKASA menjangkakan salah laku seperti penipuan, rasuah, salah laku kewangan dan salah urus yang serius perlu dilaporkan dan ia perlu dipermudahkan melalui mekanisme dalaman.

4. Kerahsiaan

Identiti pihak yang melaporkan aduan salah laku/kesalahan akan dirahsiakan. Tempoh kerahsiaan adalah untuk selama-lamanya. Atas dasar penuh percaya, semua pihak perlu bertindak dengan niat baik dan mempunyai alasan yang munasabah apabila membuat laporan salah laku dan rasuah. Jika dakwaan yang dikemukakan terbukti berniat jahat, pihak yang bertanggungjawab mungkin akan dikenakan tindakan yang sewajarnya, sehingga dan termasuk tindakan undang-undang jika berkenaan.

5. Jenis-Jenis Kesalahan

Mana-mana pihak berkenaan boleh melaporkan atau memberi maklumat sekiranya mereka mengetahui tentang sebarang Salah Laku / Kesalahan dan rasuah, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- Disyaki Melakukan Kesalahan Jenayah
- Ketidapatuhan dengan Keperluan Pengawalseliaan
- Salah Laku Kewangan / Profesional
- Risiko Kesihatan & Keselamatan Individu
- Layanan Tidak Adil
- Kelakuan Tidak Senonoh / Tingkah Laku Tidak Beretika
- Menerima/Meminta Rasuah / Sogokan
- Percubaan untuk menyekat atau menyembunyikan sebarang maklumat berkaitan dengan mana-mana perkara di atas

6. Perlindungan untuk Pemberi Maklumat

Pemberi maklumat boleh memohon perlindungan di bawah Polisi dengan syarat berikut:

- i. Pemberi maklumat itu bukanlah dari kalangan orang yang terlibat dalam kes yang diadakan tersebut.
- ii. Maklumat tersebut tidak disampaikan kepada mana-mana pihak lain selain pihak yang boleh menerima maklumat yang dinyatakan dalam Polisi ini.
- iii. Pemberi maklumat itu tidak berniat untuk melepaskan diri dari mana-mana tindakan yang sedang dihadapi.

7. Pembatalan Perlindungan

Pembatalan perlindungan boleh berlaku apabila:

- i. Pemberi Maklumat mendedahkan diri sebagai 'Pemberi Maklumat' kepada pihak lain selain Unit Integriti.
- ii. Pemberi Maklumat sengaja membuat pernyataan palsu.
- iii. Laporan yang dibuat bersifat rungutan peribadi, syarat-syarat, perkhidmatan, penilaian prestasi, pampasan atau lain-lain aspek hubungan hubungan kerja individu.
- iv. Laporan yang dibuat tanpa butiran identiti pelapor, atau identiti pelapor tidak dapat disahkan. Sebarang tindakan yang akan diambil, akan ditentukan bergantung kepada kebolehpercayaan dan ketepatan kandungan laporan.

8. Perlindungan dari Tindak Balas

Mana-mana pihak yang bertindak balas terhadap seseorang yang melaporkan salah laku / kesalahan dengan niat yang baik mungkin akan dikenakan tindakan disiplin yang sewajarnya, sehingga dan termasuk tindakan undang-undang, jika berkenaan.

9. Saluran Pemberi Maklumat

Saluran Pemberi Maklumat boleh di buat melalui :-

- i) Borang Aduan - imbas *QR code* pada poster e-Aduan di dalam *website* ANGKASA, atau
- ii) Talian Aduan - 03 7454 8277 (Unit Integriti) atau 03 7454 8260 (BPSM), atau
- iii) Emel - eaduan.angkasa@gmail.com .

10. Pendedahan Identiti

Pendedahan identiti hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi butiran berikut:

- i. Nama
- ii. Jawatan
- iii. Nama Majikan (Jika bukan warga kerja ANGKASA)
- iv. Alamat Terkini
- v. Nombor untuk Dihubungi
- vi. Sebab – sebab Aduan
- vii. Butiran Saksi (jika ada)

11. Dokumen Sokongan / Bukti (jika ada)

Butiran peribadi pemberi maklumat akan dirahsiakan selama-lamanya. Pengurusan ANGKASA tidak akan melayan sebarang kes / aduan tanpa butiran pemberi maklumat sebagaimana yang ditetapkan di atas.

12. Akibat Pendedahan Palsu

Jika pemberi maklumat telah atau didapati membuat pendedahan palsu :

- i) Jika pekerja ANGKASA, tindakan disiplin akan diambil oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia.
- ii) Jika bukan pekerja ANGKASA, pengurusan ANGKASA boleh merujuk kepada pihak berkuasa yang berkaitan seperti polis untuk tindakan selanjutnya.

13. Tarikh Kuat Kuasa

Polisi ini diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga ANGKASA bertarikh 30 Jun 2022.